



5 Oktober 2023  
5 October 2023  
P.U. (A) 301

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSI (PINDAAN) 2023

*INSOLVENCY (AMENDMENT) RULES 2023*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA INSOLVENSI 1967

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSI (PINDAAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 123 Akta Insolvensi 1967 [Akta 360], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama**

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Insolvensi (Pindaan) 2023.**

**Pindaan kaedah 13**

2. Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 [P.U. (A) 305/2017], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 13—

- (a) dalam subkaedah (1), dengan memotong perkataan “am”; dan
- (b) dalam subkaedah (2), dengan menggantikan perkataan “penghutang” dengan perkataan “bankrap”.

**Pindaan kaedah 149**

3. Subkaedah 149(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “penghutang” dengan perkataan “bankrap”.

**Pindaan kaedah 150**

4. Kaedah 150 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam subkaedah (1), dengan menggantikan perkataan “hendaklah diselesaikan dalam mesyuarat pertama atau dalam penangguhan mesyuarat pertama itu” dengan perkataan “hendaklah diselesaikan dalam mesyuarat pemutang atau dalam penangguhan mesyuarat itu”; dan

- (b) dalam subkaedah (2), dengan menggantikan perkataan “Mesyuarat yang kemudiannya itu” dengan perkataan “Mesyuarat pembiutang yang kemudiannya itu”.

**Pindaan kaerah 164**

5. Subkaerah 164(4) Kaerah-Kerah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “sama ada estetnya hendaklah ditadbir di bawah seksyen 106” dengan perkataan “sama ada estetnya hendaklah ditadbir secara ringkas di bawah seksyen 106 atau 108”.

**Pindaan kaerah 166**

6. Kaerah 166 Kaerah-Kerah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “melalui pos berdaftar” dengan perkataan “dihantar melalui pos berdaftar atau e-mel”.

**Pindaan kaerah 170**

7. Kaerah 170 Kaerah-Kerah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “mesyuarat pertama” dengan perkataan “mana-mana mesyuarat”.

**Pindaan kaerah 171**

8. Kaerah 171 Kaerah-Kerah ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “penangguhan mesyuarat pertama” dengan perkataan “penangguhan mana-mana mesyuarat pembiutang”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “untuk mesyuarat pertama itu” dengan perkataan “untuk mesyuarat pembiutang itu”.

### **Kaedah baharu 179A**

9. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 179 kaedah yang berikut:

**“Nilai harta bankrap yang tidak boleh dibahagi dalam kalangan pembiutang”**

179A. Harta bankrap yang tidak boleh dibahagi dalam kalangan pembiutang bankrap terdiri daripada yang berikut:

- (a) peralatan, jika ada, perdagangannya yang bernilai tidak melebihi dua puluh ribu ringgit; dan
- (b) keperluan pakaian dan tempat tidur dan keperluan sepertinya untuk dirinya, isteri dan anak-anaknya yang bernilai tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.”.

### **Pindaan kaedah 199**

10. Kaedah 199 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

**“Notis kepada bankrap”;** dan

- (b) dengan menggantikan perkataan “notis sumbangan sasaran kepada bankrap” dengan perkataan “notis kepada bankrap yang menyatakan jumlah wang yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Insolvensi yang kena dibayar bagi maksud pentadbiran estet bankrap”.

### **Pindaan kaedah 200**

11. Kaedah 200 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan **“pelepasan”** dengan perkataan **“pelepasan automatik”**;

- (b) dalam subkaedah (1), dengan menggantikan perkataan “pelepasan bankrap daripada kebankrapan” dengan perkataan “pelepasan automatik”; dan
- (c) dalam subkaedah (2), dengan menggantikan perkataan “pemutang sekiranya bankrap gagal memenuhi kehendak di bawah subseksyen 33c(1)” dengan perkataan “mana-mana pemutang yang memfailkan bukti hutang sekiranya bankrap tidak memenuhi kehendak di bawah perenggan 33c(1)(a)”.

### **Kaedah baharu 200A**

12. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 200 kaedah yang berikut:

**“Notis penggantungan pelepasan automatik di bawah subseksyen 33c(8A)**  
200A. Tiap-tiap notis penggantungan bagi pelepasan automatik yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Insolvensi di bawah subseksyen 33c(8A) Akta hendaklah sebagaimana dalam Borang 100A.”.

### **Pindaan kaedah 208**

13. Kaedah 208 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

**“Notis mesyuarat pemutang”;**

- (b) dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“(1) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah menetapkan masa dan tempat bagi mana-mana mesyuarat pemutang yang dinyatakan dalam Jadual A Akta dan hendaklah menyebabkan notis mesyuarat itu disiarkan dalam *Warta* dan surat khabar tempatan.”;

(c) dengan menggantikan subkaedah (2) dengan subkaedah yang berikut:

“(2) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah memberikan tujuh hari notis bagi mana-mana mesyuarat pemutang atau tiga hari notis bagi mesyuarat pemutang yang kemudiannya yang menyatakan masa, tempat dan cara yang ditetapkan bagi mesyuarat itu kepada—

(a) pemutang yang disebut dalam penyata hal ehwal bankrap;

(b) pemutang yang memfailkan bukti hutang;

(c) bankrap; dan

(d) pempetisyen, dalam hal petisyen pemutang.”;

(d) dalam subkaedah (3), dengan menggantikan perkataan “mesyuarat pertama” dengan perkataan “mesyuarat pemutang bagi maksud mempertimbangkan sama ada cadangan untuk komposisi atau skim perkiraan hendaklah dilayan”;

(e) dalam subkaedah (4), dengan menggantikan perkataan “mesyuarat pertama bagi pemutang dalam masa yang dinyatakan dalam Jadual A Akta” dengan perkataan “mesyuarat pemutang dalam masa yang diarahkan oleh mahkamah”; dan

(f) dengan memasukkan selepas subkaedah (4) subkaedah yang berikut:

“(5) Dalam kaedah ini, “tempat” termasuklah ruang siber, tempat virtual atau ruang virtual.”.

### **Pindaan kaedah 210**

14. Kaedah 210 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “diposkan” dengan perkataan “diposkan atau dihantar melalui e-mel sewajarnya”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “dihantar” dengan perkataan “disampaikan sewajarnya”.

### **Kaedah baharu 210A**

15. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 210 kaedah yang berikut:

#### **“Mesyuarat pemiutang melalui teknologi komunikasi jarak jauh**

210A. (1) Ketua Pengarah Insolvensi boleh jika difikirkannya patut mengadakan mesyuarat pemiutang melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

(2) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah, apabila mengadakan mesyuarat pemiutang melalui teknologi komunikasi jarak jauh, mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan identiti pihak yang menghadiri mesyuarat itu.

(3) Seseorang yang menghadiri suatu mesyuarat pemiutang yang diadakan melalui teknologi komunikasi jarak jauh, secara sendiri atau proksinya, boleh menggunakan haknya untuk bersuara dan mengundi dalam mesyuarat itu.”.

### **Pindaan kaedah 221**

16. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 221 dengan kaedah yang berikut:

**“Mesyuarat pembiutang jika bankrap suatu firma**

221. Jika suatu perintah kebankrapan dibuat terhadap suatu firma, mesyuarat pembiutang hendaklah diadakan secara kolektif antara pembiutang bersama dengan pembiutang berasingan.”.

**Pindaan kaedah 222**

17. Subkaedah 222(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Dalam mesyuarat pertama atau dalam mana-mana penangguhan mesyuarat pertama” dengan perkataan “Dalam mesyuarat pembiutang atau dalam mana-mana penangguhan mesyuarat itu”.

**Pindaan kaedah 227**

18. Kaedah 227 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “seksyen 106” dengan perkataan “seksyen 106 atau 108”.

**Kaedah baharu 227A dan 227B**

19. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 227 kaedah yang berikut:

**“Nilai aset bagi pentadbiran ringkas**

227A. Bagi maksud seksyen 106 Akta, estet bankrap hendaklah ditadbir secara ringkas sekiranya nilai aset (selepas ditolak apa-apa jumlah yang dibayar kepada pembiutang bercagar berkenaan dengan cagarannya) tidak mungkin melebihi empat puluh ribu ringgit.

**Amaun gaji atau upah orang yang makan gaji**

227B. Bagi maksud subseksyen 107(1) Akta, orang yang makan gaji ialah orang yang sedang atau telah diambil bekerja dengan gaji atau upah bagi suatu amaun—

(a) tidak melebihi dua ribu ringgit sebulan tidak termasuk apa-apa elaun sementara; dan

- (b) jika dia mempunyai apa-apa pendapatan lain yang tidak termasuk apa-apa pence yang diterima, tidak melebihi lima ratus ringgit sebulan dan tidak berbangkit daripada apa-apa perdagangan atau perniagaan yang dia mengambil apa-apa bahagian dalam pengurusan.”.

### **Pindaan kaedah 229**

20. Kaedah 229 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

**“Mesyuarat pemutang bagi kebankrapan kecil”;**

- (b) dengan memotong subkaedah (1); dan

- (c) dengan memotong perkataan “pertama” di mana-mana juga terdapat.

### **Pindaan kaedah 230**

21. Kaedah 230 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong perkataan “pertama” di mana-mana juga terdapat.

### **Kaedah baharu 281A**

22. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 281 kaedah yang berikut:

**“Penyampaian notis dan dokumen lain di bawah seksyen 130 Akta**

281A. (1) Bagi maksud seksyen 130 Akta, semua notis dan dokumen lain yang penyampaiannya tidak ditetapkan dengan cara khas boleh dihantar melalui e-mel ke akaun e-mel bankrap, pemutang atau mana-mana orang lain yang telah memberikan persetujuannya.

(2) Persetujuan untuk menerima notis atau dokumen lain melalui e-mel hendaklah diberikan secara bertulis kepada Ketua Pengarah Insolvensi dan penyampaian notis atau dokumen lain itu hendaklah dibuat ke akaun e-mel orang yang memberikan persetujuan itu.”.

### **Pindaan Jadual**

23. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam Jadual—

(a) dalam Borang **No. 29**, dengan menggantikan perkataan “dari tarikh ini” dengan perkataan “dari tarikh permintaan ini diterima”;

(b) dalam Borang **No. 52**—

(i) dalam tajuk—

(A) dengan menggantikan perkataan “**MESYUARAT PERTAMA**” dengan perkataan “**MESYUARAT PEMIUTANG**”; dan

(B) dengan memasukkan selepas perkataan “**k. 138**” perkataan “**, 145 dan 208**”;

(ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memotong perenggan yang kedua; dan

(iii) dengan memotong perkataan “pertama”;

(c) dalam Borang **No. 62**—

(i) dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “**MESYUARAT KEDUA**” dengan perkataan “**MESYUARAT PEMIUTANG**”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “Mesyuarat kedua” dengan perkataan “Mesyuarat pemutang”;

(d) dalam Borang **No. 63**—

(i) dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “**MESYUARAT KEDUA**” dengan perkataan “**MESYUARAT PEMIUTANG**”;

(ii) dengan memotong perkataan “agung yang kedua”; dan

(iii) dengan menggantikan perkataan “mesyuarat agung yang pertama” dengan perkataan “mesyuarat pemutang yang diadakan di ..... pada ..... hari bulan....., 20.....”;

(e) dalam Borang **No. 64**, dengan memotong perkataan “pertama”;

(f) dalam Borang **No. 65**, dengan memotong perkataan “pertama”;

(g) dalam Borang **No. 66**—

(i) dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “**MESYUARAT AM KEDUA**” dengan perkataan “**MESYUARAT PEMIUTANG**”;

(ii) dengan menggantikan perkataan “mesyuarat yang kedua” dengan perkataan “mesyuarat pemutang”; dan

(iii) dengan menggantikan perkataan “pemutang bagi ..... tersebut yang berhimpun dalam mesyuarat pertama” dengan perkataan “pemutang bagi\* ..... tersebut yang berhimpun dalam mesyuarat yang diadakan pada ..... hari bulan ....., 20.....”;

(h) dalam Borang **No. 67**—

- (i) dengan menggantikan perkataan “mesyuarat pertama” dengan perkataan “mesyuarat pembiutang”; dan
  - (ii) dengan menggantikan perkataan “mesyuarat kedua” dengan perkataan “mesyuarat pembiutang”;
- (i) dalam Borang **No. 68**, dengan memasukkan selepas perkataan “suatu mesyuarat” perkataan “pembiutang”;
- (j) dengan menggantikan Borang **No. 77** dengan borang yang berikut:

**“No. 77**

**PERNYATAAN HAL EHWAL (k. 164)**

Dalam Mahkamah Tinggi di Malaya/Sabah dan Sarawak di .....

Dalam Kebankrapan No.: ..... of ..... 20.....

Re: (Nama Penghutang/Bankrap) (nombor kad pengenalan)

Anda dikehendaki mengisi borang ini dengan tepat dan teliti bagi menunjukkan keadaan hal ehwal anda pada hari Perintah Kebankrapan iaitu pada ..... haribulan ..... 20..... Setelah borang ini diisi, borang ini akan menjadi pernyataan hal ehwal anda. Borang ini juga perlu disahkan dengan akuan bersumpah selepas dilengkapkan.

**\* Sila turunkan parap anda di tiap-tiap bahagian bawah di sebelah kanan dokumen.**

KANDUNGAN PERNYATAAN HAL EHWAL	MUKA SURAT
BAHAGIAN A: MAKLUMAT PERIBADI — SULIT	
BAHAGIAN B: MAKLUMAT PERIBADI — AM	
BAHAGIAN C: ASET	
BAHAGIAN D: HUTANG	
BAHAGIAN E: LIABILITI	

BAHAGIAN F: MAKLUMAT PERNIAGAAN/ ORGANISASI	
BAHAGIAN G: MAKLUMAT KEBANKRAPAN	
BAHAGIAN H: MAKLUMAT TAMBAHAN	
BAHAGIAN I: PENYELESAIAN	
BAHAGIAN J: ALASAN KELEWATAN MENGHADIRKAN DIRI KE JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA	
BAHAGIAN K: BAGAIMANA ANDA MENDAPAT TAHU MENGENAI KEBANKRAPAN	
PENGAKUAN	

**BAHAGIAN A: MAKLUMAT PERIBADI — SULIT****1. Maklumat Peribadi Bankrap**

Nama			
Umur		Tarikh lahir	
Kewarganegaraan		Bangsa	
No. kad pengenalan			
No. perkhidmatan tentera/polis <i>(jika berkenaan)</i>			
No. pasport dan tarikh luput <i>(warganegara asing sahaja)</i>			
Alamat terkini			
No. telefon bimbit			
E-mel			
Kelayakan akademik			

**BAHAGIAN B: MAKLUMAT PERIBADI — AM****1. Maklumat tempat tinggal**

a. Jenis tempat tinggal (sila tandakan (✓))	<input type="checkbox"/> Rumah sendiri  <input type="checkbox"/> Rumah sewa  <input type="checkbox"/> Kuarters Kerajaan		
b. Jika rumah anda sendiri, nyatakan maklumat yang berikut:	Nama pemilik bersama <i>(jika ada)</i>		
	Alamat		
c. Jika rumah sewa, nyatakan maklumat yang berikut:	Nama dan no. kad pengenalan pemilik		
	Alamat pemilik		
	Tempoh sewaan	Sewa bulanan (RM)	
Jangka masa rumah sewa didiami			

\* *Jika terdapat perjanjian sewaan rumah, sila kemukakan perjanjian tersebut dan resit bayaran sewa*

## 2. Maklumat Keluarga

a. Status (sila tandakan (✓))	<input type="checkbox"/> Bujang	<input type="checkbox"/> Berkahwin	<input type="checkbox"/> Bercerai	
b. Bilangan tanggungan	i. Isteri/Suami		ii. Anak	
c. Maklumat pasangan	i. Nama dan no. kad pengenalan pasangan			
	ii. Pekerjaan pasangan		iii. Pendapatan pasangan	
	iv. Alamat majikan pasangan			

\* Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan

### d. Maklumat anak-anak

#### i. Butir-butir anak-anak yang sudah bekerja

Bil.	Nama	No. kad pengenalan	Status perkahwinan	Pendidikan	Alamat majikan	Pendapatan bulanan (RM)

\* Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan

ii. Butir-butir anak-anak yang sedang belajar

Bil.	Nama	No. kad pengenalan	Status perkahwinan	Pendidikan	Nama institusi pendidikan

\* *Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan*

### 3. Maklumat Pekerjaan

a. Sebelum kebankrapan

Pekerjaan		Gaji (RM)	
Tarikh berhenti kerja			
Sumber pendapatan <i>(jika tidak bekerja)</i>			

b. Pekerjaan terkini

Pekerjaan		Gaji (RM)	
Tarikh mula bekerja			
Sumber pendapatan <i>(jika tidak bekerja)</i>			

\* *Kemukakan slip gaji 3 bulan terakhir*

c. Pesara (jika anda merupakan pesara kerajaan/badan berkanun, sila tandakan (✓)):

Ya

Tidak

Pencen bulanan (RM):	
----------------------	--

### **BAHAGIAN C: ASET**

#### **1. Tanah/Rumah**

Butir-butir	Tanah/Rumah 1	Tanah/Rumah 2
Alamat		
Bercagar/tidak bercagar		
Nama pemilik bersama ( <i>jika ada</i> )		
Nama penghuni dan hubungan ( <i>jika tanah/rumah diduduki oleh individu lain</i> )		

\* *Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan*

#### **2. Kenderaan (tidak tertakluk kepada Perjanjian Sewa Beli)**

Butir-butir	Nombor pendaftaran	Jenis	Digunakan oleh individu lain ( <i>ya/tidak</i> )	Nama pengguna dan alamat
Kenderaan 1				
Kenderaan 2				

\* *Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan*

**3. Akaun Bank (Simpanan/Semasa/Akaun bersama/dsb.)**

Bil.	No. akaun	Bank	Cawangan	Nama pemilik akaun	Jenis akaun	Baki (RM)

*\* Sila sertakan penyata akaun terkini (muka hadapan sahaja) bagi akaun yang digunakan untuk bayaran gaji*

**4. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**

No. ahli KWSP	Baki Akaun 1 (RM) (A)	Baki Akaun 2 (RM) (B)	Jumlah (RM) (A+B)	Benefisiari

*\* Sila lampirkan penyata KWSP terkini sebagai keterangan*

**5. Aset lain**

Tanda ✓	Butir-butir	Anggaran (RM)
	Wang tunai	
	Mesin, perdagangan, lekapan, kelengkapan, perkakas, dsb.	
	Stok ladang dan tanaman	
	Perabot isi rumah	
	Peti Simpanan Selamat	
	Harta intelek (hak cipta, paten, rekaan perindustrian)	
	Barang kemas/Barangan antik	
	Lain-lain (sila nyatakan)	

*\* Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan*

## 6. Stok Dagangan

Butiran penuh mengenai tiap-tiap perihal harta dalam milikan dan dalam pengembalian tidak termasuk dalam mana-mana senarai lain hendaklah dinyatakan dalam senarai ini.

Pernyataan penuh dan sifat harta	Kos dianggarkan (RM)	Hasil dianggarkan (RM)
Stok dagangan di Malaysia		
Stok dagangan di tempat lain		
Stok dagangan barang dalam perjalanan dari atau ke Malaysia, notis ketibaan yang telah diterima		

*\*Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan*

## 7. Bil Pertukaran

Bil.	Nama penerima Bil atau Nota	Alamat, dsb.	Amaun Bil atau Nota	Tarikh genap masa	Anggaran dihasilkan	Butiran bagi apa-apa harta yang dipegang sebagai jaminan bagi pembayaran Bil atau Nota

*\*Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan*

## 8. Syer

Bil.	Nama syarikat	Jumlah syer	Nilai semasa syer

*\*Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan*

### 9. Pelaburan

Bil.	Nama pelaburan	Nama institusi pelaburan	Diperoleh secara tunai/pinjaman	Nombor akaun/ Nombor polisi

*\*Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan*

### 10. Polisi Insuran Simpanan

Bil.	Jenis insuran (cth: nyawa/ kesihatan/lain-lain)	Nama syarikat insuran	Simpanan dianggarkan (RM)	Berapakah yang anda bayar setiap bulan? (RM)

*\*Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan*

### 11. Buku Hutang

Apa-apa jumlah, tertunggak, yang kena dibayar atau yang dipersetujui untuk dibayar oleh mana-mana pihak.

Bil.	Nama penghutang	Tempat tinggal dan pekerjaan	Amaun hutang			Folio lejer atau buku yang butirananya boleh didapati	Tarikh kontrak		Hasil dianggarkan	Butiran apa-apa jaminan yang dipegang untuk hutang
			Baik	Ragu	Lapuk		Bulan	Tahun		

*\*Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan*

## **BAHAGIAN D: HUTANG**

### **1. Hutang (secara keseluruhannya atau sebahagiannya)**

Hutang bercagar ialah suatu pinjaman jika anda mencagar harta anda secara keseluruhan atau sebahagiannya seperti rumah, tanah dsb. untuk pinjaman itu. Jika anda gagal membayar hutang anda, harta anda akan dilelong oleh bank.

Bil.	Nama pembiutang	Alamat pembiutang	Pekerjaan pembiutang <i>(jika individu)</i>	Harta yang dicagar	Tarikh jaminan diberikan

*\*Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan*

### **2. Hutang tidak Bercagar**

Hutang tidak bercagar ialah suatu pinjaman yang diberikan kepada anda tanpa dicagarkan harta.

Bil.	Nama pembiutang	Alamat pembiutang	Pekerjaan pembiutang <i>(jika individu)</i>	Jumlah hutang (RM)	Tarikh hutang diberikan

*\*Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan*

### **3. Pembiutang keutamaan untuk sewa, kadar, cukai dan upah**

Pembiutang keutamaan ialah pembiutang yang mempunyai keutamaan dalam pengagihan dividen melebihi pembiutang lain yang termasuklah cukai pendapatan yang kena dibayar, cukai harta tanah, tunggakan gaji pekerja dan sumbangan KWSP yang kena dibayar.

Bil.	Nama pembiutang	Alamat pembiutang	Pekerjaan pembiutang <i>(jika individu)</i>	Sifat tuntutan	Tempoh semasa tuntutan terakru yang genap masa	Tarikh genap masa	Amaun tuntutan	Amaun penuh yang kena dibayar	Perbezaan kedudukan untuk dividen

**\*Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan**

#### **BAHAGIAN E: LIABILITI**

##### **1. Liabiliti**

Liabiliti (sesuatu yang anda bertanggungjawab untuk membayar menurut undang-undang)

Bil.	Nama pembiutang dan penuntut	Alamat dan pekerjaan	Amaun liabiliti atau tuntutan	Tarikh semasa liabiliti ditanggung	Jenis liabiliti

**\*Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan**

##### **2. Liabiliti di bawah Akta Sewa Beli 1967 [Akta 212]**

Bil.	Nama pembiutang dan penuntut	Alamat dan pekerjaan	Amaun liabiliti atau tuntutan	Tarikh semasa liabiliti ditanggung	Jenis liabiliti

**\*Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan**

**3. Liabiliti bankrap ke atas bil selain penerimaanya sendiri**

Bil.	Nama pembiutang dan penuntut	Alamat dan pekerjaan	Sama ada bertanggungan sebagai penyuruh bayar atau pengesah	Tarikh genap masa	Amaun	Tarikh liabiliti ditanggung

**\*Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan**

**AKAUN SUSUTAN**

(RM)

Lebihnya aset daripada liabiliti pada (a).....  
hari bulan ..... , 20..... (*jika ada*)  
.....

Keuntungan bersih daripada menjalankan perniagaan dari  
(a)..... hari bulan ..... , 20..... hingga tarikh perintah kebankrapan, selepas ditolak perbelanjaan biasa bagi perniagaan (*jika ada*) .....

Pendapatan daripada sumber lain sejak  
(a)..... hari bulan ..... , 20.....

Susutan sebagaimana dalam pernyataan hal ehwal

.....

(b)

Lebihnya aset daripada liabiliti pada (a).....  
hari bulan ..... , 20..... (*jika ada*)  
.....

Kerugian bersih daripada menjalankan perniagaan dari  
(a)..... , 20..... hingga tarikh perintah kebankrapan, selepas ditolak perbelanjaan biasa (*jika ada*) bagi perniagaan daripada keuntungan .....

Hutang lapuk (*jika ada*) sebagaimana dalam jadual  
(c).....

Perbelanjaan yang ditanggung sejak (a).....,  
20....., selain perbelanjaan biasa bagi perniagaan, iaitu,  
perbelanjaan rumah tangga diri sendiri dan  
(d).....  
(e).....

(b)

Lebihan sebagaimana dalam pernyataan hal ehwal (*jika ada*)  
.....

---

- (a) 12 bulan sebelum tarikh perintah kebankrapan atau apa-apa masa lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Insolvensi.
- (b) Angka-angka ini sepatutnya serupa.
- (c) Jadual ini mesti menunjukkan bila hutang telah dibuat.
- (d) Tambah isteri dan anak-anak (*jika ada*) dengan menyatakan bilangan.
- (e) Tambah di sini apa-apa perbelanjaan atau kerugian lain.

(Dalam penggantian bagi apa-apa lembaran BAHAGIAN A hingga K sebagaimana yang akan dikembalikan kosong).

Senarai	Butiran, sebagaimana dalam lembaran hadapan	Catatan

#### **BAHAGIAN F: MAKLUMAT PERNIAGAAN/ORGANISASI**

##### **1. Memiliki perniagaan milikan tunggal. Sila tandakan (✓)**

Ya ( ) Tidak ( )

Jika ya, sila nyatakan yang berikut:

i. Nama dan alamat perniagaan

--

ii. Jenis perniagaan

iii. Tarikh mula perniagaan

iv. Modal perniagaan

v. Tarikh tamat perniagaan

\* Sila lampirkan carian SSM terkini bagi perniagaan yang dinyatakan di atas

**2. Pekongsi dalam suatu Perkongsian.** Sila tandakan (✓)

Ya ( ) Tidak ( )

Jika ya, nyatakan yang berikut:

i. Nama dan alamat perkongsian

ii. Jenis perkongsian

iii. Tarikh mula perkongsian

iv. Modal pelaburan oleh setiap rakan kongsi

v. Tarikh akhir perkongsian

\* Sila lampirkan carian SSM terkini bagi perniagaan yang dinyatakan di atas

3. Pengarah atau mengurus mana-mana syarikat secara langsung atau tidak langsung . Sila tandakan (✓)

Ya ( ) Tidak ( )

Jika ya, nyatakan yang berikut:

- i. Nama dan alamat syarikat

- ii. Nama pengarah syarikat

- iii. Nama pemegang saham syarikat

- iv. Jenis perniagaan yang dijalankan

- v. Tarikh permulaan syarikat

- vi. Tarikh pemberhentian syarikat

- vii. Tarikh tamat menjadi pengarah atau mengurus mana-mana syarikat secara langsung atau tidak langsung

\* *Sila lampirkan carian SSM terkini bagi syarikat yang dinyatakan di atas*

4. Terlibat dalam pengurusan atau pengawalan apa-apa perniagaan yang diusahakan oleh atau bagi pihak atau bekerja di bawah isteri/suami, anak, bapa saudara, ibu saudara atau mana-mana saudara mara yang rapat. Sila tandakan (✓)

Ya ( ) Tidak ( )

Jika ya, nyatakan yang berikut:

i. Nama dan alamat perniagaan

ii. Jenis perniagaan

iii. Tarikh mula perniagaan

iv. Modal perniagaan

v. Tarikh tamat perniagaan

vi. Bagaimakah anda menyempurnakan akaun perniagaan?

\* *Sila lampirkan dokumen berkaitan seperti yang berikut:*

1. *Penyata akaun terakhir; dan*
2. *Carian SSM terkini bagi syarikat yang dinyatakan di atas.*

5. **Adakah anda merupakan ahli jawatankuasa atau bekerja dengan, mana-mana pertubuhan/persatuan? Sila tandakan (✓)**

Ya ( ) Tidak ( )

Jika ya, sila nyatakan yang berikut:

i. Jawatan

ii. Pendapatan

**BAHAGIAN G: MAKLUMAT KEBANKRAPAN**

- 1. Pernahkah anda dijatuhan hukuman bankrap sebelum ini?**  
Sila tandakan (✓)

Ya ( ) Tidak ( )

Jika ada, nyatakan yang berikut:

- i. Tarikh Perintah Kebankrapan

--

- ii. Pempetisyen

--

- iii. Status kebankrapan (Tandakan (✓))

Belum dilepaskan	
Telah dilepaskan	
Telah dibatalkan	

- 2. Sebab kebankrapan: Alasan tidak membayar hutang.** Sila tandakan (✓) mana-mana yang berikut:

Bil.	Alasan	Tandakan (✓)
1.	Tidak bekerja (cth: suri rumah, pelajar)	
2.	Krisis ekonomi	
3.	Terlibat dengan perjudian	
4.	Perbelanjaan tidak berhemah	
5.	Masalah kesihatan (cth: keluarga, anak-anak)	
6.	Lain-lain (sila nyatakan)	

**BAHAGIAN H: MAKLUMAT TAMBAHAN**

- 1. Adakah anda menjual, mencagar atau memajak apa-apa harta anda dalam masa lima (5) tahun kebelakangan ini? Sila tandakan (✓)**

<b>YA</b>	
<b>TIDAK</b>	

*\*Jika ada, sila kemukakan keterangan*

- 2. Adakah anda menukar milik apa-apa harta anda dalam masa lima (5) tahun kebelakangan ini? Sila tandakan (✓)**

<b>YA</b>	
<b>TIDAK</b>	

*\*Jika ada, sila kemukakan keterangan*

- 3. Adakah pasangan anda menjual apa-apa harta dalam masa dua (2) tahun kebelakangan ini? Sila tandakan (✓)**

<b>YA</b>	
<b>TIDAK</b>	

*\*Jika ada, sila kemukakan keterangan*

- 4. Adakah pasangan anda menjual apa-apa harta dalam masa dua (2) tahun sebelum tarikh perintah kebankrapan anda? Sila tandakan (✓)**

<b>YA</b>	
<b>TIDAK</b>	

**BAHAGIAN I: PENYELESAIAN**

BAGAIMANAKAH ANDA INGIN MENYELESAIKAN HUTANG-HUTANGINI?  
ADAKAH ANDA MEMPUNYAI APA-APA PENYELESAIAN ATAU CADANGAN?

**PENGAKUAN**

Saya, ..... No. Kad Pengenalan: ....., mengaku dan mengesahkan bahawa butir-butir yang dinyatakan dalam pernyataan ini adalah kenyataan lengkap, jujur dan benar mengenai hal ehwal saya.

Diakui dan disahkan oleh

.....

..... pada .....



.....  
TANDATANGAN

.....  
Pesuruhjaya Sumpah

Tarikh difaiklan

Nombor rujukan

Nombor insolvensi

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA**

";

(k) dalam Borang **No. 79**—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Saya (b) ..... anak kepada ..... berumur” dengan perkataan “Saya (b) ..... No. Kad Pengenalan”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “mesyuarat pertama” dengan perkataan “mesyuarat pemutang”;

(l) dalam Borang **No. 100**—

- (i) dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “**PELEPASAN**” dengan perkataan “**PELEPASAN AUTOMATIK**”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “seksyen 33c” dengan perkataan “perenggan 33c(1)(a)”;

- (m) dengan memasukkan selepas Borang **No. 100** borang yang berikut:

**“No. 100A**

(*Tajuk am*)

Kepada:  
(Nama dan alamat)

**NOTIS PENGGANTUNGAN BAGI PELEPASAN AUTOMATIK  
DI BAWAH SUBSEKSYEN 33c(8A) (k. 200A)**

Saya dengan ini mengeluarkan satu notis penggantungan bagi pelepasan automatik kepada bankrap yang dinamakan di atas berkuat kuasa mulai ..... selama tempoh ..... dan bankrap hendaklah dilepaskan secara automatik pada akhir tempoh penggantungan itu berkuat kuasa mulai .....

Bertarikh pada ..... hari bulan ....., 20.....

.....  
*Ketua Pengarah Insolvensi*”;

- (n) dalam Borang **No. 101**—

- (i) dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “**PELEPASAN**” dengan perkataan “**PELEPASAN AUTOMATIK**”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “pelepasan” dengan perkataan “pelepasan automatik”;

- (o) dalam Borang **No. 105**, dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “**MESYUARAT KEDUA**” dengan perkataan “**MESYUARAT PEMIUTANG**”;

(p) dengan menggantikan Borang **No. 106** dengan borang yang berikut:

**"No. 106**

*(Tajuk am)*

**PERMOHONAN MELANJUTKAN MASA UNTUK MENGADAKAN  
MESYUARAT PEMIUTANG YANG DIARAHKAN OLEH MAHKAMAH  
(Item 5 Jadual A Akta dan k. 208)**

Saya, ..... Ketua Pengarah Insolvensi dalam perkara di atas, memohon kepada mahkamah supaya melanjutkan masa hingga ..... hari bulan ....., 20....., untuk mengadakan mesyuarat pemutang berdasarkan alasan yang berikut:

- (a) .....
- (b) .....
- (c) .....
- (d) .....

Bertarikh pada ..... hari bulan....., 20.....

.....  
*Ketua Pengarah Insolvensi*

**PERINTAH PELANJUTAN MASA UNTUK MENGADAKAN MESYUARAT  
PEMIUTANG YANG DIARAHKAN OLEH MAHKAMAH  
(Item 5 Jadual A Akta dan k. 208)**

Atas permohonan Ketua Pengarah Insolvensi, maka diperintahkan bahawa masa untuk mengadakan mesyuarat pemutang dalam perkara di atas dilanjutkan hingga ..... hari bulan....., 20.....

Bertarikh pada ..... hari bulan....., 20.....

Oleh mahkamah,

.....  
*Pendaftar";*

(q) dengan menggantikan Borang **No. 107** dengan borang yang berikut:

**"No. 107**

*(Tajuk am)*

Kepada:  
(Nama dan alamat)

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG SUPAYA MENGHADIRI  
MESYUARAT PEMIUTANG (k. 208)**

(Di bawah perintah kebankrapan bertarikh ..... hari bulan .....,  
20.....)

Notis dengan ini diberi, bahawa mesyuarat pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di ..... (tempat dan cara) pada ..... hari bulan ....., 20....., pada ..... (masa).

Untuk menjadikan kamu berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada pukul ..... (masa) pada ..... hari bulan ....., 20.....

Borang bukti dan proksi am disertakan bersama-sama ini. Borang proksi khas boleh diperoleh daripada saya atas permohonan daripada anda atau ejen anda yang diberi kuasa oleh anda secara bertulis. Proksi yang akan digunakan dalam mesyuarat itu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada pukul ..... (masa) pada ..... hari bulan ....., 20.....

Pemeriksaan awam bankrap ditetapkan pada ..... hari bulan .....,  
20....., pada pukul ..... (masa), di ..... (tempat).

Mana-mana pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakilnya, yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyatakan bankrap dalam pemeriksaan awamnya berkenaan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalangannya.

Bertarikh pada ..... hari bulan ....., 20.....

.....  
*Ketua Pengarah Insolvensi*

Pernyataan hal ehwal bankrap \* .....

**NOTA**

Dalam mesyuarat, pemutang boleh antara lain:

1. melalui resolusi khas menetapkan untuk melayan suatu cadangan bagi suatu komposisi atau skim di bawah seksyen 18 Akta.

2. melalui resolusi biasa melantik suatu jawatankuasa perunding sekiranya aset itu melebihi RM40,000 (selepas ditolak apa-apa jumlah yang dibayar kepada pemiutang bercagar berkenaan dengan cagarannya) daripada kalangan pemiutang yang layak untuk mengundi, atau pemegang proksi am atau surat kuasa wakil am bagi pemiutang itu.
3. dengan resolusi biasa menentukan saraan yang akan dibayar kepada pengurus khas, sekiranya seorang telah dilantik.

---

\* *Di sini masukkan ‘tidak diserahkan’ atau ‘telah diserahkan dan ringkasen telah disertakan’;*

(r) dalam Borang **No. 108**—

- (i) dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “**KEPADА PEMIUTANG BERKENAAN MESYUARAT PERTAMA YANG BAHARU (k. 208)**” dengan perkataan “**UNTUK MENGHADIRI MESYUARAT PEMIUTANG YANG DIARAHKAN OLEH MAHKAMAH (Item 5 Jadual A Akta dan k. 208)**”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “mesyuarat pertama yang baharu bagi pemiutang” dengan perkataan “mesyuarat pemiutang yang diarahkan oleh mahkamah”; dan
- (iii) dalam NOTA—
  - (A) dengan menggantikan perkataan “mesyuarat pertama yang baharu pemiutang” dengan perkataan “mesyuarat, pemiutang”; dan
  - (B) dengan menggantikan perkataan “RM10,000” dengan perkataan “RM40,000 (selepas ditolak apa-apa jumlah yang dibayar kepada pemiutang bercagar berkenaan dengan cagarannya)”;

(s) dalam Borang **No. 109**—

(i) dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “**MESYUARAT PERTAMA**” dengan perkataan “**MESYUARAT PEMIUTANG**”; dan

(ii) dengan memotong perkataan “pertama”;

(t) dalam Borang **No. 110**, dengan menggantikan perkataan “mesyuarat agung pemutang” dengan perkataan “mesyuarat pemutang”;

(u) dalam Borang **No. 112**—

(i) dalam tajuk, dengan memotong perkataan “**PERTAMA**”;

(ii) dengan memotong perkataan “pertama”; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perkataan “tempat” perkataan “atau cara”;

(v) dalam Borang **No. 113**, dengan memotong perkataan “pertama”;

(w) dalam Borang **No. 114**—

(i) dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “**MESYUARAT PERTAMA**” dengan perkataan “**MESYUARAT PEMIUTANG**”;

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “Di hadapan ..... di .....” perkataan “(tempat dan cara)”;

(iii) dengan memotong perkataan “pertama”; dan

(iv) dengan menggantikan perkataan “di tempat dan pada masa” dengan perkataan “di tempat, cara dan masa”;

- (x) dalam Borang **No. 115**, dalam tajuk, dengan memotong perkataan “**AM**”;
- (y) dengan menggantikan Borang **No. 117** dengan borang yang berikut:

**“No. 117**

*(Tajuk am)*

**AFIDAVIT PENYAMPAIAN NOTIS MESYUARAT PEMIUTANG**  
**(Item 2 Jadual A Akta dan k. 210)**

Saya, ..... seorang kerani di pejabat Ketua Pengarah Insolvensi, mengesahkan dan menyatakan seperti yang berikut:

1. Bahawa saya telah pada ..... hari bulan....., 20....., menghantar kepada setiap pemutang yang disebut dalam pernyataan hal ehwal bankrap, dan kepada setiap pemutang yang telah membuktikan dalam perkara ini, dan kepada \*pempetisyen, dan kepada bankrap yang dinamakan di atas, suatu notis mengenai masa, tempat atau dengan apa-apa cara bagi mesyuarat pemutang, (a)..... disertai dengan suatu ringkasan pernyataan hal ehwal bankrap dalam borang yang dilampirkan bersama-sama ini yang masing-masingnya bertanda “A” dan “B”.
2. Bahawa notis itu telah dialamatkan kepada pemutang itu masing-masing, mengikut nama dan alamat mereka masing-masing yang terdapat dalam pernyataan hal ehwal bankrap tersebut, atau dalam bukti mereka masing-masing, dan juga kepada bankrap tersebut di .....
3. Bahawa saya telah menghantar notis tersebut melalui pos berdaftar atau melalui e-mel pada ..... (masa) pada hari tersebut.

Diangkat sumpah (atau disahkan) sebagaimana dalam Borang 6

*(a) Potong perkataan dalam huruf condong sekiranya ringkasan tidak dihantar.*  
\* dalam kes petisyen pemutang”;

- (z) dengan memotong Borang **No. 118**;
- (za) dalam Borang **No. 119—**
- (i) dalam tajuk, dengan memasukkan selepas perkataan “**PEMIUTANG**” perkataan “**DAN BANKRAP**”; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “tempat” dengan perkataan “dan cara” di mana-mana juga terdapat;
- (zb) dengan memotong Borang **No. 120**;
- (zc) dengan menggantikan Borang **No. 121** dengan borang yang berikut:

**“No. 121**

(*Tajuk am*)

**MEMORANDUM PENANGGUHAN MESYUARAT PEMIUTANG**  
**(k. 213)**

Di hadapan ..... di .....(tempat)  
pada ..... hari bulan ....., 20....., pada .....(masa).

Memorandum— Mesyuarat pemutang dalam perkara di atas telah diadakan pada masa, tempat dan cara yang tersebut di atas, dan beberapa bukti hutang yang diserahkan telah dikemukakan; tetapi ia menunjukkan bahawa (a) ..... mesyuarat itu telah ditangguhkan hingga ..... hari bulan ....., 20....., pada ..... (masa), maka mesyuarat itu hendaklah diadakan di tempat yang sama.

.....  
*Pengerusi*

---

(a) *Di sini nyatakan alasan penangguhan.”;*

- (zd) dalam Borang **No. 122**—

- (i) dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “**k. 213**” dengan perkataan “**k. 214**”; dan
- (ii) dengan memotong perkataan “*kedua*”;
- (ze) dengan menggantikan Borang **No. 123** dengan borang yang berikut:

**“No. 123**

(*Tajuk am*)

**PERMOHONAN UNTUK PENTADBIRAN RINGKAS DI BAWAH  
SEKSYEN 106 ATAU 108 (k. 227)**

Saya, ..... Ketua Pengarah Insolvensi dalam perkara di atas, dengan ini melapor kepada mahkamah bahawa:

\*harta bankrap tidak mungkin akan melebihi nilai RM40,000 (selepas ditolak apa-apa jumlah yang dibayar kepada pemutang bercagar berkenaan dengan cagarannya) dan saya memohon supaya mahkamah boleh memerintah agar estet ditadbirkan secara ringkas menurut seksyen 106 Akta.

atau

\* bankrap ialah orang yang makan gaji atau yang telah bekerja dengan gaji atau upah bagi suatu amaun tidak melebihi RM2000 sebulan tidak termasuk apa-apa elaun sementara dan pendapatannya, jika ada, tidak termasuk pence yang dia boleh terima, yang tidak melebihi RM500 sebulan dan tidak berbangkit daripada apa-apa perdagangan atau perniagaan yang dia mengambil apa-apa bahagian dalam pengurusan dan saya memohon supaya mahkamah boleh memerintah agar estet ditadbirkan secara ringkas menurut seksyen 108 Akta.

*\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

Bertarikh pada ..... hari bulan ....., 20.....

.....  
*Ketua Pengarah Insolvensi”;*

(zf) dalam Borang **No. 124**, dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen 106” perkataan “atau 108”; dan

(zg) dalam Borang **No. 129—**

(i) dengan menggantikan butiran (2) dengan butiran yang berikut:

## (2) Mesyuarat Pemutang dan Pemeriksaan Awam (k. 243)

Nama bankrap	Alamat	Perihal	Mahkamah	Nombor	Tarikh Mesyuarat Pemutang	Masa	Tempat dan cara	Tarikh pemeriksaan awam	Masa	Tempat	Tarikh Perintah (jika ada) untuk pentadbiran ringkas
											.

- (ii) dalam butiran (3), dengan menggantikan perkataan “Jam” dengan perkataan “Masa”.

Dibuat 4 Oktober 2023

[MdI.BKP.100(R)-6/4/1 JILID 6; PN(PU2)180/JLD. 5]

**DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN**  
*Menteri di Jabatan Perdana Menteri*  
*(Undang-Undang dan Reformasi Institusi)*

INSOLVENCY ACT 1967

INSOLVENCY (AMENDMENT) RULES 2023

IN exercise of the powers conferred by section 123 of the Insolvency Act 1967 [Act 360], the Minister makes the following rules:

**Citation**

1. These rules may be cited as the **Insolvency (Amendment) Rules 2023**.

**Amendment of rule 13**

